

# Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 bebas jerebu



**PETALING JAYA** - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yakin Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) yang akan bermula 19 hingga 30 Ogos ini tidak terjejas akibat jerebu.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya sentiasa memantau perkembangan jerebu di negara ini. "Saya telah mengarahkan

**WAN JUNAIDI** (empat dari kanan) beramah mesra dengan pengguna ketika menaiki perkhidmatan MRT dari Stesen TRX, Kuala Lumpur semalam.

Jabatan Alam Sekitar untuk menghantar laporan jerebu setiap hari sebagai langkah pemantauan terutama menjelang KL2017 ini.

"Pemantauan yang dilakukan selama seminggu mendapati negara bebas daripada jerebu dan dijangka ia berterusan sehingga hujung tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja berhubung perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) di Stesen Kwasa Damansara di sini semalam.

Wan Junaidi turut tidak me-

lepaskan peluang merasai pengalaman menaiki perkhidmatan MRT dari Stesen Tun Razak Exchange (TRX) sehingga Stesen Kwasa Damansara serta meluangkan masa beramah mesra bersama pengguna.

Beliau menambah beberapa kebakaran yang berlaku di Sumatera, Riau dan Aceh, Indonesia baru-baru ini juga tidak memberi kesan jerebu.

Katanya, ia berikutan negara berkenaan memiliki sistem pemantauan satelit sendiri untuk memantau kebakaran-kebakaran hutan.

KBSMO - 4  
10/8